

## Penjagaan tambahan di saat memerlukan



Pelan FWD Care Recovery adalah sokongan yang kami tawarkan kepada pelanggan pelan takaful keluarga FWD Takaful. Dari nasihat penjagaan kesihatan hingga sokongan emosi selepas tuntutan, Pelan FWD Care Recovery merupakan asas kepada nilai kami serta peranan kami sebagai pengendali takaful.

**Hubungi talian utama kami: 1300 13 7988**

## **Sokongan tambahan baharu daripada pengendali takaful yang berbeza**

Kami sedia maklum bahawa perlindungan takaful secara amnya membantu anda dari segi kewangan. Namun bantuan ini biasanya berhenti setakat itu sahaja.

Oleh sebab itu, di FWD Takaful, kami ingin menyediakan sokongan tambahan yang anda perlukan, tetapi mungkin tidak dijangka daripada pengendali takaful.

---

Pelan FWD Care Recovery yang menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan, telah dicipta untuk memenuhi setiap keperluan anda.

Sama ada sokongan emosi mahupun bantuan praktikal, Pelan FWD Care Recovery bermula dengan kami mendengar dan memahami apa keperluan anda dan bagaimana kami boleh membantu anda.

Bagi kami, perlindungan takaful adalah lebih daripada sekadar pembayaran tuntutan.

# Bagaimana anda dapat menyertai Pelan FWD Care Recovery

Mulai 12 Januari 2022 hingga 30 September 2022, jika tuntutan anda diluluskan, Pelan FWD Care Recovery akan tersedia untuk anda.



## Membuat tuntutan

Sebaik sahaja tuntutan yang layak diluluskan, kami akan menghubungi anda untuk memulakan proses.



## Memberi persetujuan

Pelan ini disediakan khas bagi manfaat anda. Oleh itu, kami memerlukan persetujuan anda terlebih dahulu.



## Jururawat menghubungi anda

Jururawat sokongan yang khas akan menghubungi para pelanggan yang layak dan telah memberikan persetujuan.



## Dapatkan sokongan yang anda perlukan

Jururawat khas ini akan menjadi teman dan memberikan panduan kepada anda dan orang yang anda sayangi. Jururawat tersebut akan berbincang tentang perkhidmatan sokongan yang sesuai dengan keperluan anda/keluarga anda serta menghubungkan anda dengan penyedia perkhidmatan itu.



## Tempoh pelan

Pelan FWD Care Recovery berlangsung selama 6 bulan, di mana anda boleh menggunakan perkhidmatan jururawat dan semua perkhidmatan sokongan, sehingga had RM2,000.00, tanpa sebarang kos.

Tambahan lagi, anda juga boleh mendapatkan akses penuh kepada jururawat pemulihan anda sepanjang tempoh 6 bulan, walaupun nilai perkhidmatan anda telah digunakan sepenuhnya sebelum tamat tempoh. Kerana kami percaya, anda wajar mendapat penjagaan yang terbaik di saat anda paling memerlukan.

Sila rujuk **terma dan syarat** untuk butiran lanjut.

## Perkhidmatan sokongan profesional

Pelan FWD Care Recovery menyediakan rangkaian perkhidmatan pemulihan yang bernilai sehingga RM2,000.00, tanpa sebarang kos. Perkhidmatan yang disenaraikan di bawah ini boleh ditempah menerusi konsultasi dengan jururawat yang dikhaskan kepada anda – ini bermakna anda akan diberikan pelan penjagaan peribadi.



### Bantuan di rumah

Perkhidmatan pembersihan rumah dan/atau pengubahsuaian/pembaikan rumah untuk memastikan rumah anda dioptimumkan bagi tujuan proses pemulihan anda.



### Kaunseling

Khidmat kaunseling sangat berguna bagi sesiapa yang menghadapi apa sahaja masalah dan memerlukan seseorang untuk berbicara.



### Bantuan penjagaan oleh jururawat di rumah

Prosedur penjagaan oleh jururawat boleh dilakukan di rumah untuk keselesaan, dengan tahap profesionalisme yang tinggi. Jururawat yang berpengalaman, diiktiraf dan terlatih akan disediakan 24/7.

---

Sila rujuk **terma dan syarat** untuk butiran lanjut.

---

### **Pengangkutan tempatan untuk mendapatkan perubatan**



Perjalanan untuk menghadiri janji temu perubatan menjadi lebih mudah dengan perkhidmatan pengangkutan yang khas untuk anda.

---

### **Fisioterapi**



Untuk membantu anda meningkatkan semula kecergasan fizikal dan pergerakan selepas kecederaan atau semasa menjalani rawatan pemulihan.

---

### **Konsultasi pemakanan**



Pakar diet profesional akan membantu menyusun program pemakanan yang sesuai untuk membantu anda memulihkan tenaga tanpa mengira kondisi anda.



### **Kami bekerjasama dengan rakan kongsi yang terbaik untuk menyediakan penjagaan yang anda perlukan.**

Aspire Lifestyles adalah peneraju global bagi perkhidmatan penyelesaian kesetiaan dan pengurusan gaya hidup selama hampir 30 tahun. Cadangan kesihatan dan kesejahteraan Aspire Lifestyles merangkumi seluruh Asia dan juga dunia, dengan menyediakan penyelesaian penjagaan kesihatan yang profesional dan cemerlang untuk segmen pelanggan mewah. Menerusi rangkaian penasihat kesihatan yang terdiri daripada ahli profesional perubatan yang terlatih, Aspire Lifestyles dapat memberikan cadangan yang boleh dipercayai dan rujukan kepada rakan-rakan kesihatan dan kesejahteraan yang terkemuka.

<https://www.aspirelifestyles.com/>

Untuk maklumat lanjut,

sila hubungi talian utama kami atau layari laman web kami di

[fwd.com.my](http://fwd.com.my)



Layari laman web kami untuk maklumat lanjut



Hubungi talian utama kami  
**1300 13 7988**

9pg – 6ptg  
Isnin hingga Jumaat  
Kecuali Hujung Minggu dan  
Cuti Umum

## Tentang FWD

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. FWD Takaful adalah unit perniagaan takaful Kumpulan FWD (“FWD”).

Kumpulan FWD adalah perniagaan insurans hayat Asia dengan kira-kira 10 juta pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. Ditubuhkan pada tahun 2013, FWD menumpukan usaha untuk menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang mengutamakan pelanggan ini, FWD komited untuk mengubah pandangan orang ramai terhadap insurans.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [fwd.com.my](http://fwd.com.my).